



TEKS UCAPAN

**YBHG PUAN MISTIRINE BINTI RADIN
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SABAH**

**BICARA PROFESIONAL
PENGARAH, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH 2019**

**9 JANUARI 2018 (RABU)
AUDITORIUM KOMPLEKS KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam JPN Sabah No. 1
Menerajui Perubahan,

- Yang dihormati saudara pengacara majlis
- Yang Berusaha Encik Abidin bin Marjan, Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Akademik merangkap Urus Setia Majlis
- Yang Berusaha Encik Mohd. Zaini bin Yanin, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, merangkap urusetia bersama,
- Ketua-ketua Sektor,
- Ketua Nazir Negeri,

- Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah,
- Ketua Penolong Pengarah BTPN,
- Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah,
- Pegawai-pegawai SIP+ dan SISC+,
- Guru Besar (PPD Kota Kinabalu, Penampang, Papar dan Tuaran),
- Guru-guru Penolong Kanan, Guru-guru,
- Rakan Media
- Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan, kerana kita dapat bertemu dan berhimpun dalam Majlis Bicara Profesional Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Tahun 2019. Pertemuan ini merupakan satu peluang terbaik untuk kita berkongsi dan berinteraksi apatah lagi ini merupakan program sulung saya bersama barisan kepimpinan sekolah daripada 4 daerah yang ada pada pagi ini setelah saya menerajui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu**

2019. Semoga tahun ini akan membawa lebih kejayaan kepada kita seterusnya dapat memantapkan lagi pendidikan di negeri Sabah yang kita cintai. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Pelaksana yang diterajui oleh Sektor Pengurusan Akademik sebagai urus setia dan Sektor Pengurusan Sekolah sebagai urusetia bersama dalam menjayakan Program Bicara Profesional di Auditorium Kompleks Kerajaan Persekutuan Sabah pada hari ini.

2. Dalam kesempatan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2018. Sesungguhnya kecemerlangan yang telah diraih dalam pelbagai bidang merupakan hasil iltizam, kesungguhan dan dedikasi yang tidak mengenal erti putus asa demi masa depan anak bangsa. Tahniah sekali lagi atas pelbagai kejayaan yang membanggakan negeri Sabah sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Saya amat berharap kejayaan demi kejayaan akan terus kita lakarkan pada masa hadapan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

KPI PENGARAH TAHUN 2019

3. Pada tahun 2019, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah meletakkan 24 *Key Performance Indicator* (KPI) merangkumi

bidang Ikhtisas dan Pengurusan Pentadbiran yang perlu kita capai sepanjang tahun ini iaitu;

Peningkatan Peratus (%) Murid Mencapai Tahap Minimum (MTM) UPSR 2019

4. Untuk makluman para hadirin sekalian, pencapaian MTM Negeri Sabah masih pada **tahap rendah**. Justeru itu kita hendaklah bersama-sama memastikan murid memperoleh sekurang-kurangnya Gred D bagi semua mata pelajaran yang

diambil dalam UPSR untuk memastikan JPN Sabah mencapai MTM. Pada tahun 2018, JPN Sabah hanya mencapai 53.61% MTM. Pada tahun 2019, kita meletakkan sasaran 58% MTM JPN Sabah.

Pengurangan Peratus (%) Murid Belum Mencapai Tahap Minimum (BMTM) ke semua kertas dalam UPSR 2019

5. Para hadirin sekalian, pencapaian murid BMTM Negeri Sabah pula masih pada **tahap tinggi**. Pencapaian semasa JPN Sabah dalam tempoh 2 tahun terakhir tidak pernah di bawah 2%. Pada

tahun 2018, BMTM bagi negeri Sabah adalah 2.34 %. Pada tahun ini kita mensasarkan 2% BMTM bagi negeri Sabah. Untuk itu, kita hendaklah memastikan calon UPSR 2019 memperoleh sekurang-kurangnya satu Gred D daripada mata pelajaran yang diambil.

Peningkatan peratus Murid Layak Mendapat Sijil dalam SPM 2019

6. KPI ini merupakan kluster kemenjadian murid dalam **Insiatif #54: Program Transformasi Daerah**. Untuk memastikan KPI ini tercapai, calon SPM hendaklah mendapat keputusan cemerlang,

kepujian atau lulus seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan bagi kedua-dua mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu dan Sejarah. Pencapaian semasa JPN Sabah dalam tempoh 2 tahun terakhir menunjukkan prestasi Sabah tidak melepasi 88%. Sehubungan dengan itu, JPN Sabah meletakkan sasaran 88% murid layak mendapat sijil dalam SPM pada tahun ini.

Peningkatan Gred Purata Negeri (GPN) dalam SPM 2019

7. KPI ini merupakan kluster kemenjadian murid dalam **Inisiatif #54: Program Transformasi Daerah**. Gred Purata Negeri (GPN) dalam SPM 2019 merupakan Purata Gred oleh semua calon sekolah KPM bagi negeri Sabah seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan untuk semua mata pelajaran yang diambil pada tahun 2019. Sebelum ini (tahun 2017), JPN Sabah telah berjaya mencapai GPN 5.51. Pada tahun ini, JPN Sabah meletakkan sasaran GPN 5.00. Untuk itu, saya

menyeru kepada semua warga JPN Sabah agar meneruskan iltizam dan melaksanakan strategi bagi memastikan KPI ini dapat dicapai.

Peningkatan bilangan sekolah menengah menawarkan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) mendapat kelulusan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) Tahun 2019

8. Terdapat lima sekolah menawarkan Pendidikan Asas Vokasional. Tiga daripadanya telah mendapat pembaharuan sijil

PBC pada 2018 manakala, 15 sekolah lagi menawarkan PVMA dan 7 telah mendapat kelulusan PBC. Pada tahun 2018 JPN Sabah mencapai 10 buah sekolah dan meletakkan sasaran 15 buah sekolah pada tahun 2019.

Peningkatan peratus sekolah mendapat Tahap 3 Imersif persekitaran Bahasa Inggeris di sekolah.

9. Peningkatan tahap *Highly Immersive* Bahasa Inggeris di sekolah HIP mengikut garis panduan yang ditetapkan. Terdapat 744 buah sekolah melaporkan tahap imersif persekitaran BI adalah

pada tahap 3 pada tahun 2018. JPN Sabah telah mencapai 57.91% pada tahun 2018 dan meletakkan sasaran 65% pada tahun 2019.

Peningkatan peratus penguasaan murid Tingkatan 5 dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah Zon Pedalaman Tahun 2019

10. KPI ini merujuk kepada peratus penguasaan Pendidikan Islam di sekolah menengah di 4 daerah zon pedalaman iaitu Keningau, Tambunan, Tenom dan Nabawan. KPI ini melibatkan prestasi

murid-murid di tingkatan 5. JPN Sabah telah mencapai 56.90% pada tahun 2018 dan mensasarkan 89% penguasaan murid Tingkatan 5 dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah Zon Pedalaman tahun 2019.

Peningkatan peratus penguasaan Al-Quran murid Tahun 6 di sekolah rendah.

11. Para hadirin sekalian, KPI ini mengukur peningkatan jumlah murid lulus dalam modul Al-Quran di Tahun 6 yang terkandung dalam program j-QAF di sekolah rendah. Pada tahun ini, JPN

Sabah mensasarkan 73% berbanding pencapaian tahun 2018 iaitu 72.35%.

Peningkatan Peratus Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI)

12. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan dan memberi peluang kepada murid berkeperluan khas mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid di arus perdana. Pencapaian semasa negeri Sabah dalam PPI sejak 4 tahun terakhir menunjukkan sasaran yang ditetapkan dapat

dicapai. Justeru, sasaran 2019 adalah optimis untuk dicapai walau pun lebih trend sasaran diletakkan 2 kali ganda berbanding tahun-tahun sebelumnya. JPN Sabah berjaya mencapai 48.87% pada tahun 2018 dan mensasarkan 55% pada tahun 2019.

Peningkatan Peratus Kehadiran Murid ke sekolah pada 2019

13. KPI ini adalah di bawah **Kluster 1: Kehadiran Murid di bawah Program Transformasi Daerah (DTP)**. Kehadiran di ambil kira apabila murid mengikuti sesi pembelajaran formal setiap

hari mengikut sesi persekolahan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2018 JPN Sabah telah mencapai 92.37% dan mensasarkan 93% pada tahun 2019.

Peratus peningkatan pelaksanaan aktiviti Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah menengah dan rendah negeri Sabah

14. KPI ini merujuk kepada peningkatan peratus sekolah menengah dan rendah yang melaksanakan aktiviti pendidikan pencegahan dadah yang melibatkan semua murid. Sehingga 2018,

hanya 805 buah sekolah melaksanakan aktiviti PPDa iaitu 62.31% daripada bilangan sekolah di Sabah. Pada tahun 2019, JPN Sabah meletakkan sasaran 90%.

Peningkatan peratus enrolmen murid berumur 5+ mengikuti prasekolah kebangsaan.

15. Para hadirin sekalian, KPI ini merujuk kepada peratus enrolmen prasekolah bagi semua agensi pelaksana yang menyediakan pendidikan prasekolah seperti KPM, KEMAS, JPNIN, JAKIM dan swasta bagi kohort umur kanak-kanak yang mengikuti

pendidikan prasekolah 5+ tahun. Sasaran JPN Sabah pada tahun 2019 ialah 88% berbanding pencapaian 87.91% pada tahun 2018.

Peningkatan peratus enrolmen murid asrama di sekolah bagi Negeri Sabah.

16. Untuk makluman para hadirin sekalian, KPI ini tertakluk Akta Pendidikan 1996 Bahagian IV Bab 12, seksyen 64 dan 66 iaitu Penyediaan Kemudahan dan Perkhidmatan. Kemudahan asrama semasa boleh menampung 44,127 orang murid. JPN Sabah telah

mencapai 82.87% pada tahun 2018 dan meletakkan sasaran 83% pada tahun 2019.

Peningkatan peratus jejak murid lepasan SPM tahun 2018

17. KPI ini bertujuan untuk mengenal pasti hala tuju murid lepasan SPM sama ada melanjutkan pelajaran atau tidak. Pada tahun 2018, JPN Sabah telah berjaya menjejak 94% lepasan SPM dan mensasarkan 96% pada tahun 2019.

Peningkatan pengiktirafan bilangan sekolah sekurang-kurangnya mencapai 4 Bintang dalam pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)

18. Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) merupakan satu program pinjaman buku teks kepada murid yang layak di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Sekolah berperanan mengurus dan melaksanakan SPBT seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. JPN Sabah telah mencapai 24 buah sekolah yang mendapat 4 Bintang dalam pengurusan SPBT

pada tahun 2018 dan mensasarkan 30 buah sekolah pada tahun 2019.

Bilangan PPD mencapai keseluruhan standard (3 Bintang) dalam Penarafan Kecemerlangan PPD (PKPPD) 2018

19. Untuk makluman, PKPPD merupakan penilaian yang terkandung dalam Piagam DTP dan merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Pendidikan Malaysia. Dimensi penarafan terbahagi kepada 3 iaitu Dimensi Kepimpinan (30%), Dimensi Pengurusan Organisasi (50%) dan Dimensi Keberhasilan (20%).

Syabas dan tahniah kita ucapkan kepada 22 daripada 24 buah PPD telah berjaya mencapai keseluruhan standard (3 Bintang) PKPPD tahun 2017 pada tahun lepas. Untuk tahun ini, JPN Sabah mensasarkan kesemua 24 PPD mencapai keseluruhan standard (3 Bintang) dengan skor tidak kurang 75 bagi PKPPD 2018.

Peratus arahan penempatan Pengetua dan Guru Besar dikeluarkan selewat-lewatnya 6 minggu sebelum tarikh kekosongan

20. Sasaran ini melibatkan **Penggantian Pemimpin Sekolah – Inisiatif #111**. JPN Sabah mensasarkan 100% arahan penempatan PGB dikeluarkan dalam tempoh 6 minggu sebelum tarikh kekosongan pada tahun 2019 bagi kekosongan yang disebabkan oleh persaraan wajib.

Peningkatan peratus bilangan guru di Sabah adalah dalam kalangan anak watan Negeri Sabah.

21. Sasaran ini meletakkan sasaran 90 % guru-guru di Sabah terdiri daripada guru berasal dari Sabah dalam tempoh tiga tahun

akan datang. Pada tahun lepas kita telah mencapai 87% dan meletakkan sasaran 88% pada tahun 2019 dan akan mencapai sepenuhnya sasaran 90% pada tahun 2021.

Bilangan Sekolah mendapat penarafan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sekurang-kurangnya 1 aspek dengan taraf Cemerlang

22. KPI ini berada di bawah **Inisiatif #20: Pembudayaan KBAT dalam Pembelajaran Abad ke-21**. Setiap PPD telah mencalonkan dua sekolah iaitu 1 rendah dan 1 menengah yang

membawa jumlah keseluruhan sekolah dicalonkan di Sabah adalah 48 buah. Selepas penarafan pada 2017, hanya 7 buah sekolah mendapat taraf cemerlang sekurang-kurangnya 1 aspek cemerlang. Penarafan dibuat oleh Jemaah Nazir KPM dan JPN Sabah yang mensasarkan 48 buah sekolah mendapat penarafan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sekurang-kurangnya 1 aspek taraf cemerlang berasaskan SKPMg2 pada tahun 2019.

Para hadirin sekalian, KPI seterusnya adalah KPI berkaitan PIBK. Dalam PIBK, dua KPI diletakkan iaitu;

KPI 1 : Mencapai Sasaran 50% Pelibatan ibubapa secara sukarela dalam aktiviti-aktiviti di sekolah.

KPI 2 : Mencapai 65% kehadiran ibubapa dalam kelima-lima aktiviti utama sekolah iaitu Hari Pendaftaran Tahun 1 & Tingkatan 1, Mesyuarat Agung Persatuan Ibubapa &

Guru (PIBG), Hari Pelaporan, Hari Sukan dan Hari Anugerah.

23. Untuk makluman, ibu bapa ialah orang paling penting dalam mempengaruhi kehidupan anak-anak. Sokongan ibu bapa terhadap sekolah dan pelibatan mereka dalam pembelajaran sangat penting untuk memastikan kejayaan anak-anak. Pelibatan ibu bapa dapat diperlihatkan melalui sumbangan idea dan sokongan terhadap pendidikan. Mereka boleh menyumbang bantuan dari aspek sokongan dan kepakaran bagi proses pembelajaran di dalam dan di luar kelas. Pada tahun lepas, JPN

Sabah telah mencapai 66.0% bagi KPI 1 manakala 63.18% bagi KPI 2. Bagi tahun 2019, JPN Sabah meletakkan sasaran 50% bagi KPI 1 dan 65% bagi KPI 2.

Inisiatif PPPM #37 Penyediaan Infrastruktur Asas di semua sekolah negeri Sabah

24. KPI ini merujuk kepada peratus peningkatan sekolah yang mencapai standard keperluan asas minimum infrastruktur fizikal di setiap sekolah yang melibatkan 24 Pejabat Pendidikan Daerah.

Jumlah keseluruhan sekolah di Sabah pada tahun semasa adalah **1296** dan hanya **66.4%** daripada sekolah yang mencapai standard infrastruktur asas fizikal manakala **33.6%** lagi masih tidak mencapai standard tersebut dan mensasarkan **70%** pada tahun 2019.

Peratus ketepatan pengisian *data variable* dalam Modul Pengurusan Sekolah (EMIS) – Sistem Pengurusan Sekolah (SPS).

25. Pengisian Data Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) khasnya dalam Modul pengurusan Sekolah (MPS) perlu tepat (koding) seperti terdapat dalam Buku Manual Definisi Variabel. Kesilapan pengisian data (salah koding) yang dikunci-masuk (key-in) oleh Guru Data Maklumat akan mengakibatkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Khasnya Unit Pengurusan Maklumat melakukan pembersihan data (*Data Cleaning*). Ini akan mengambil masa dan tenaga serta kewangan jika proses dan prosedur pembersihan data (*Data Cleaning*) dilakukan iaitu Validasi dan Verifikasi. Pada tahun 2018 kita telah berjaya mencapai 100% dan

akan terus mengekalkan prestasi dengan mensasarkan 100% pada tahun 2019.

Peratus Petugas Peperiksaan Awam mematuhi Prosedur Asas Standard

26. Taklimat diberikan kepada semua petugas bagi memastikan SOP dipatuhi semasa melaksanakan tugas pengurusan peperiksaan. Mengoptimumkan penggunaan sumber manusia. Mewujud dan membangunan budaya kerja yang berlimu, kompeten dan berintegriti dan JPN Sabah meletakkan sasaran

100% petugas peperiksaan awam mematuhi prosedur asas standard (SOP) pada tahun 2019.

Peningkatan peratus penarafan tandas sekolah di negeri Sabah mencapai sekurang-kurangnya 3 Bintang pada tahun 2019

27. Penarafan merangkumi aspek kebersihan dan keceriaan di semua sekolah KPM di Sabah. Pada tahun 2018, hanya 928 sekolah (71.8%) yang mempunyai tandas melepasi standard

infrastruktur asas fizikal (inisiatif #37). JPN sabah telah mencapai 61.5% pada tahun 2018 dan mensasarkan 73% pada tahun 2019.

28. Sesuai dengan pendekatan Program Berasaskan Sekolah (*School Based Programme*) dan *Bottom Up*, PPD dan Guru Besar hendaklah melihat KPI yang telah dijelaskan dalam konteks lokasi masing-masing. Sekolah hendaklah menganalisis isu, mengenalpasti punca dan melaksanakan intervensi yang sesuai dengan isu di sekolah masing-masing sama ada lokasi sekolah di

bandar, luar bandar ataupun di pedalaman. Manakala PPD pula, melihat dan merealisasikan KPI dalam konteks membantu sekolah meningkatkan kompetensi melalui bimbingan dan latihan secara berfokus.

KAEDAH MENCAPAI KPI 2019

29. KPI 2019 akan dicapai melalui pelaksanaan usaha-usaha berikut:

29.1 Penguatkuasaan MMI atau Melindungi Masa Instruksional.

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah tidak berlaku jika guru tidak mengajar dan murid tidak belajar. Pelaksanaan pengajaran oleh guru dan pembelajaran oleh murid dipanggil aktiviti instruksional. Pihak sekolah hendaklah memastikan guru melaksanakan pengajaran dan pentaksiran dan aktiviti tersebut berlaku apabila berlaku aktiviti pembelajaran oleh murid. Pengurusan jadual guru ganti secara sistematik dan jual beli kelas antara guru yang bertugas di luar sekolah dengan guru yang berada dalam kawasan sekolah adalah antara amalan terbaik melindungi masa

instruksional. JPN dan PPD juga perlu meminimumkan pergerakan guru keluar pada masa pembelajaran murid.

29.2 Memastikan minimum 190 hari persekolahan.

Pihak sekolah perlu mempunyai takwim persekolahan tahun 2019 yang mengandungi kiraan hari persekolahan. Cuti Peristiwa hendaklah dimohon pada awal tahun dan berdasarkan perancangan dalam takwim. Permohonan Cuti Peristiwa secara runcit menunjukkan sekolah kurang cekap dalam merancang program sepanjang tahun.

29.3 Latihan minimum 5 hari setahun setiap kakitangan pendidikan untuk meningkatkan kemahiran.

Setiap seorang kakitangan pendidikan sama ada DG atau M, N, F, J, S, R dan sebagainya perlu mendapat latihan minimum 5 hari berdasarkan arahan yang sedang berkuat kuasa. Latihan 5 hari adalah KPI Ketua Setiausaha KPM. Sasarannya adalah 100% setiap tahun. Jika anda Pengetua/Guru Besar, 5 hari itu adalah latihan berkaitan pengurusan dan kepimpinan sekolah. Jika anda Pembantu Tadbir (Kewangan), anda perlu mendapat latihan perakaunan sekurang-kurangnya 5 hari setahun. Jika anda guru

Bahasa Inggeris, pastikan anda mendapat 5 hari latihan berkaitan peningkatan kecekapan berbahasa Inggeris.

29.4 Pemantapan pelan komunikasi jabatan-sekolah:

Negeri Sabah merangkumi satu kawasan yang luas. Sekolah-sekolah kita terletak di Bandar, luar Bandar, pedalaman dan pulau. Untuk sesuatu arahan dari KPM sampai kepada pelaksana iaitu sekolah, pada masa ini berlaku banyak ketirisan dan pencairan. Justeru itu, jabatan pada tahun ini akan memulakan program ***Outreach 3 dalam 1 (Three in One)***. Dengan menggabungkan

beberapa PPD berhampiran, mulai hujung bulan ini, jabatan akan melaksanakan program *outreach* yang menggabungkan perhimpunan bulanan, mesyuarat pengurusan jabatan dan bimbingan/ khidmat nasihat mengemas kini Rekod Perkhidmatan Kerajaan. Kita perlu mengikis status kita sebagai negeri yang mempunyai isu kelewatan dalam pengesahan jawatan, maklumat yang tidak lengkap untuk membolehkan persaraan diurus dengan sempurna, gaji terlebih bayar dan sebagainya kerana rekod perkhidmatan yang tidak kemas kini.

Untuk memudahkan pemegang taruh dan orang awam mendapat maklumat yang diperlukan dengan cepat dan tepat, jabatan telah menyediakan meja bantuan 088-537111 pada waktu pejabat.

Jabatan juga telah mewujudkan grup e-mel mengikut jawatan dan sekolah untuk mempercepatkan penyaluran maklumat bertulis daripada KPM seperti surat pekeliling ikhtisas kepada pelaksana. Saya berharap agar semua kakitangan pendidikan dapat mengakses e-mel melalui telefon pintar. Jika perlu bantuan,

jangan segan mendapatkan bantuan pegawai-pegawai ICT masing-masing.

29.5 Pemantapan pemantauan pelaksanaan program:

Pemantauan program pendidikan akan dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- a. **Pemantauan kepada projek fizikal** bagi pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Progres kerja akan dipantau dengan lebih sistematik dan dilaporkan secara bulanan. Saya merayu kepada pihak kontraktor agar melihat projek-projek

pembangunan sekolah sebagai rezeki murid. Kelewatan penyiapan projek samalah juga dengan anda menafikan hak murid untuk belajar di tempat yang selesa.

b. Dengan bimbingan kepakaran Institut Aminuddin Baki (IAB), KPM, jabatan akan merintis **pewujudan aplikasi dalam talian** yang dapat memantau perancangan dan pelaksanaan aktiviti tahunan. IAB mempunyai aplikasi INSYST yang dapat merekodkan PDCA setiap program.

c. Untuk memantapkan pelaksanaan bimbingan, **pembentangan dapatan pemeriksaan oleh Jemaah**

Nazir Negeri akan dijadikan agenda tetap mesyuarat pengurusan jabatan bulanan. Ini adalah bertujuan untuk Jabatan dan PPD melaksanakan tindakan pembetulan dan penambahbaikan serta-merta.

29.6 Keberadaan Pengetua Dan Guru Besar Di Sekolah

Semua PGB hendaklah sentiasa berada di sekolah kecuali hari-hari yang telah diluluskan seperti cuti dan kes-kes khas seperti

mesyuarat di PPD, JPN, PBT atau terlibat dengan aktiviti rasmi di luar sekolah. Pemimpin sekolah diharap dapat menunjukkan komitmen dan kebertangjawaban yang tinggi untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa PGB merupakan pemangkin dalam meningkatkan segala urusan berkaitan prestasi di sekolah. Peranan PGB amatlah penting kerana kepemimpinan merupakan asas paling berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dari segi aspek kurikulum, kokurikulum dan HEM. Justeru, dalam usaha meningkatkan pencapaian murid, PGB perlu memainkan peranan sebagai peneraju, pembimbing dan

pendorong kepada warga sekolah sepertimana yang terkandung dalam SKPMg2. PGB seharusnya memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti pengurusan seperti menyelaraskan, mengawal, menyelia dan membangunkan semua aspek yang berkaitan di sekolah. Saya amat berharap agar semua PGB yang ada di negeri Sabah berusaha untuk meningkatkan kompetensi masing-masing supaya berada pada tahap kepemimpinan yang berprestasi tinggi selaraskan dengan Anjakan Kelima yang terkandung dalam PPPM.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

HARAPAN

30. Kita berharap semua pihak sama ada di peringkat JPN , PPD hingga ke sekolah terus kekal memberikan keutamaan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan semua dasar dan inisiatif pendidikan supaya sasaran untuk memacu peningkatan sistem pendidikan dalam Gelombang 2 PPPM 2013-2025 dapat direalisasikan.

31. Saya yakin kita semua dapat membina satu pasukan yang mantap dan kukuh sekiranya kita semua bersatu hati dengan

sepakat untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2019. Marilah kita bekerja sebagai satu pasukan dalam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi, berintegriti dan saling membantu demi mencapai Aspirasi Sistem dan Aspirasi Murid untuk kejayaan anak-anak Malaysia di negeri Sabah.

32. Kepada semua pendidik dan pemimpin pendidikan, pertingkatkan usaha untuk menambah pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam mempelbagaikan teknik PdPc. Generasi murid kini telah berada di hadapan dari segi

teknologi. Perhebatkan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam diri murid sejajar dengan kaedah Pembelajaran Abad ke-21. Pembelajaran harus menyeronokkan murid untuk kekal berada di sekolah.

PENUTUP

33. Kemenjadian murid merupakan matlamat kita bersama sepertimana yang telah dijelaskan dalam gagasan KPPM. Walaupun jawatan, fungsi, peranan dan tanggungjawab setiap

daripada kita berbeza, namun hasrat dan matlamat kita tetap sama iaitu ingin melihat kemenjadian murid, di mana murid kita mampu untuk menggunakan segala ilmu, kemahiran dan nilai untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Pada akhirnya murid ini yang merupakan pemimpin generasi pada masa akan datang akan dapat membawa kesejahteraan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Akhir kata, saya mendoakan semoga tuan-tuan dan puan-puan sekalian terus beriltizam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa. Saya yakin kita

semua dapat membina satu pasukan yang mantap dan kukuh sekiranya kita semua bersatu hati dan sepakat untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2019. Semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan bidang pendidikan akan diberkati Tuhan.

Sekian, Terima kasih.